

Tengkujuh syurga kaki pancing

Pemancing sanggup belanja ribuan ringgit sewa rumah bot di Tasik Kenyir

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

Musim tengkujuh menjadi saat yang dinantikan seorang kakitangan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Marang di sini untuk melepaskan gien menjinakkan pelbagai spesies ikan di Tasik Kenyir.

Penolong Pegawai Latihan Vokasional (Unit Perkhidmatan Sokongan Komuniti dan Pekerjaan) ILP Marang, Azhar Abd Aziz berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu tidak menjadi penghalang kepadanya.

Malah dia dan rakan-rakan lain sanggup mengeluarkan modal besar menyewa rumah bot dengan bayaran RM3,000 semalaman untuk memburu pelbagai spesies ikan termasuk toman dan belida.

"Memancing ikan air tawar di Tasik Kenyir sudah menjadi aktiviti wajib kami setiap tahun khususnya pada musim tengkujuh kerana ketika itu ikan lebih banyak.

"Orang kata susah dapat ikan

pada musim tengkujuh kerana ikan kurang, tapi itu tidak benar kerana kami berjaya menaikkan ikan belida dan toman dalam masa setengah jam sahaja.

"Paling besar kami pernah jinakkan ikan belida seberat lebih 3 kilogram (kg) selain toman 3 hingga 5kg," katanya ditemui Sinar Harian selepas berakhir trip ke Tasik Kenyir.

Azhar berkata, dia dan rakan-rakannya menggunakan pelbagai kaedah memancing dan umpan untuk menaikkan ikan di tasik itu.

"Trip ke Tasik Kenyir sudah sehati dengan jiwa saya. Tak sah kalau tak memancing di tasik ini pada musim tengkujuh.

"Boleh dikatakan kami sudah tahu selok-belok tasik ini berdasarkan pengalaman lepas. Dengan bantuan pemandu rumah bot lebih mudah cari lubuk ikan di tasik yang besar ini," katanya.

Keseronokan memancing atas rumah bot

Pemancing tegar itu juga memaklumkan aktiviti memancing di tasik itu bermula hujung tahun hingga Januari kerana banyak ikan berpindah dari satu tempat ke tempat lain pada musim banjir.


"Pada musim tengkujuh aktiviti kaki pancing seperti saya agak terhad. Bagi yang biasa memancing di laut mereka tidak dapat ke laut, jadi perlu cari tempat lain untuk

Orang kata susah dapat ikan pada musim tengkujuh kerana ikan kurang, tapi itu tidak benar kerana kami berjaya menaikkan belida dan toman dalam setengah jam sahaja." - Azhar

lepaskan gien.

"Kalau tanya sudah pasti mereka akan ke Tasik Kenyir kerana seronok memancing di atas rumah bot apatah lagi hasil tangkapan segar itu boleh dimasak dan dinikmati terus di atas bot," katanya.

Bagaimanapun katanya, bagi kaki pancing yang pertama kali merasai pengalaman memancing di situ, mereka perlu mendapatkan



Azhar menunjukkan ikan yang berjaya dinaikkan ketika memancing di Tasik Kenyir.

Hasil lumayan yang diperoleh ketika memancing pada musim tengkujuh.

bantuan penduduk tempatan yang arif mengenai lubuk ikan.

"Jangan terkejut kalau terpaksa pulang tangan kosong jika tersalah pilih tempat. Tasik ini terlalu luas

dan tidak semua tempat dihuni ikan. Jadi, kaki pancing yang kali pertama datang perlu minta bantuan mereka yang mahir dan tahu di mana lubuk pelbagai spesies ikan itu.

"Jika memancing kena pada lubuknya, bukan saja toman, belida atau baung, malah ikan kelah pun boleh dijinakkan dan hasil diperoleh juga bukan sedikit kalau kena pada tempatnya," katanya.

Azhar (dua, kanan) bersama rakan-rakan di atas rumah bot.



Ikan baung dan belida yang berjaya dinaikkan.